



**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PEKELILING CIDB – BIL 5/2024**

**PEMAKLUMAN PENYELARASAN SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR BAGI KOD  
PENGKHUSUSAN CIDB BERKAITAN PERMIT A DAN C SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)**

---

**1.0 TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak–pihak berkaitan dalam industri pembinaan mengenai penyelarasan syarat pendaftaran kontraktor bagi keperluan kod pengkhususan CIDB berkaitan permit SPAN.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah meminda Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007 dan dibaca bersama Kaedah-Kaedah Industri Air Permit (Permit) (Pindaan) 2021, di mana permit tidak lagi diperlukan semasa penyertaan tender atau sebutharga, tetapi hanya menjadi keperluan selepas projek dianugerahkan kepada kontraktor dan sebelum kerja bermula di tapak.
- 2.2 Selaras dengan pindaan tersebut, CIDB turut menyelaraskan dan meminda syarat keperluan kod pengkhususan CIDB berkaitan Permit A dan C SPAN. Penyelarasan hanya melibatkan kod pengkhususan B10, CE19, dan CE20. Tujuan penyelarasan adalah untuk membantu dan memudahkan kontraktor-kontraktor berdaftar dengan CIDB dalam penyertaan tender atau sebut harga disamping memastikan keperluan pendaftaran kontraktor selari dengan perubahan semasa.

### 3.0 PENYELARASAN

3.1 Penyelarasan keperluan bagi kod pengkhususan yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil	Kod Pengkhususan	Keperluan
1	B10 Sistem paip air dalaman	Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) - Tukang Paip A1 atau A2, <b>Dan</b> Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) - Perpaipan- Bangunan & Sanitari , Retikulasi Air (KKT 004)  <b>Atau</b> Lesen Tukang Paip Sesalur atau Lesen Tukang Pasang Sesalur dari Jabatan Air Negeri Sabah  <b>Atau</b> Sijil Jurugegas dari JKR Sarawak
2	CE 19 Sistem pembetulan	Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) - Pemasangan paip retikulasi tahap 2 (PWR2) <b>Dan</b> Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) - Sistem Pembetulan (KKT 018)
3	CE 20 Sistem bekalan air	Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) - Pemasangan paip retikulasi tahap 2 (PWR2) <b>Dan</b> Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP) - Sistem Bekalan Air (KKT 017)  <b>Atau</b> Lesen Tukang Sesalur dari Jabatan Air Negeri Sabah  <b>Atau</b> Lesen Penyambungan dan Pemasangan Paip dari JKR Sarawak

3.2 Kontraktor yang telah berdaftar dengan CIDB dengan kod pengkhususan di atas boleh mengekalkan kod pengkhususan sekiranya tempoh Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan tempoh permit masih dalam tempoh sah laku.

#### **4.0 TATACARA PERLAKSANAAN**

Permohonan kod pengkhususan boleh dibuat oleh kontraktor melalui atas talian di [cims.cidb.gov.my](http://cims.cidb.gov.my) dan kontraktor akan dikenakan fi proses dan fi pendaftaran bagi setiap permohonan yang dikemukakan.

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

Penyelarasan keperluan kod pengkhususan ini berkuatkuasa bermula pada 01 Januari 2025.

#### **6.0 PERTANYAAN**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi e-bantuan : <http://www.cidb.gov.my/e-bantuan>.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BINA SEMPURNA”**



**ZAINORA ZAINAL**

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)